



PUSAT PENDIDIKAN AL-AMIN BERHAD

POLISI PPAAB BERKAITAN YURAN

NO	KATEGORI	POLISI SEMASA
1	Kaedah Pembayaran Yuran	<ul style="list-style-type: none">Ibu bapa atau penjaga boleh melakukan pembayaran yuran menggunakan pindahan wang melalui mesin ATM, kaunter bank ataupun perbankan internet. Nama Akaun : Pusat Pendidikan Al-Amin Berhad Bank : Maybank Islamic Berhad Nombor Akaun : 5622 0961 8255Pembayaran secara tunai ataupun kad kredit/debit boleh dilakukan melalui kaunter yuran di Pejabat Kewangan Pusat Pendidikan Al-Amin. (Waktu Operasi Kaunter Yuran) Isnin - Khamis : 8.00 am - 4.30 pm Jumaat : 8.00 am - 4.30 pm (12.30 pm - 2.30 pm : TUTUP) <p>Setiap pembayaran yuran, ibu bapa/penjaga WAJIB menghantar bukti pembayaran berserta nombor matrik dan nama penuh murid ke salah satu medium yang disediakan. Tanpa bukti pembayaran, resit yuran tidak boleh dikeluarkan. Medium tersebut adalah seperti berikut : -</p> <ul style="list-style-type: none">(1) WhatsApp Pejabat Kewangan : 03 - 6186 9577(2) Emel : kewangan@al-amin.edu.my
2	Diskaun Yuran Pendaftaran	<p>PPAAB memberi diskaun sebanyak 50% bagi Yuran Pendaftaran kepada murid lepasan tadika atau sekolah di bawah rangkaian Pusat Pendidikan Al-Amin Berhad (PPAAB) yang ingin meneruskan pembelajaran ke peringkat rendah dan menengah.</p> <p>Antara tadika dan sekolah di bawah rangkaian PPAAB adalah Rangkaian Tadika Amal Hidayah, SRI Al-Amin Gombak, SRI Al-Amin Keramat, SMI Al-Amin Gombak, Al-Amin Tropicana School Primary (Sg Buloh & Kota Bharu), Al-Amin Tropicana School Secondary (Sg Buloh & Kota Bharu) dan Al-Amin Tropicana Early Childhood Centre (Sg Buloh & Kota Bharu).</p>
3	Pengurangan Yuran Pengajian	<p>PPAAB membuka promosi pengurangan yuran sebanyak 5% kepada pembayar yang membuat pembayaran penuh bagi satu penggal akademik (6 bulan) dan 10% bagi 2 penggal akademik (12 bulan) dengan SEKALI BAYARAN. Pengurangan ini bagi YURAN PENGAJIAN sahaja.</p>
4	Pengecualian Yuran Pengajian	<p>1) PPAAB menawarkan pengecualian pembayaran yuran dengan cara pembayaran zakat kepada Majlis Agama Islam Negeri Perlis (MAIPs) melalui PPAAB. Pihak MAIPS bersetuju menerima cadangan melalui surat yang bertarikh 5 Jun 2006, (No. rujukan MAIPs. 300 17 – Jld.6(100)). Justeru itu, PPAAB menawarkan pengecualian seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">Pembayaran zakat sebanyak RM 20,000 melalui MAIPs layak mendapat pengecualian YURAN PENGAJIAN sahaja untuk setahun (12 bulan).Pembayaran zakat sebanyak RM 10,000 melalui MAIPs layak mendapat pengecualian YURAN PENGAJIAN sahaja untuk setengah tahun (6 bulan).Pembayaran zakat sebanyak RM 5,000 melalui MAIPs layak mendapat pengecualian YURAN PENGAJIAN sahaja untuk 3 bulan. <p>2) Pengecualian Yuran Pengajian pada tahun semasa bagi pencari nafkah kalangan ibu bapa atau penjaga yang meninggal dunia.</p>
5	Pemotongan Khas Yuran Pengajian	<p>PPAAB memberi pemotongan khas bagi ibu bapa yang mempunyai kekangan tertentu seperti ibu tunggal (kematian atau perceraian), anak yatim, orang kelainan upaya (OKU) dan kes-kes lain yang kritikal. Kadar pengurangan yuran bergantung kepada kelulusan Ahli Lembaga PPAAB. Borang permohonan bagi tahun yuran berikutnya boleh didapati di Pejabat Kewangan dan dihantar sebelum 30 Nov setiap tahun.</p>
6	Tunggakan Yuran	<p>Bagi ibu bapa atau penjaga yang mempunyai masalah pembayaran yuran, pihak PPAAB sentiasa terbuka untuk sebarang rundingan dan boleh mengemukakan Surat Penangguhan Bayaran Yuran kepada pihak pengurusan PPAAB.</p>